جابتن كحاكيمن شرعية نݢري جوهر
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (48)
Takwim : 22 Syawal 1446H
Tarikh : 21 April 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR**
**BILANGAN 3 TAHUN 2025**

**Pemakaian Borang Pemakluman Permohonan Perintah Interim/Injuksi *Ex-Parte* yang Difailkan atas Perakuan Segera**

---

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 1/2025 bertarikh 13 Mac 2025 bersamaan 14 Ramadan 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Pemakaian Borang Pemakluman Permohonan Perintah Interim/Injuksi *Ex-parte* yang Difailkan atas Perakuan Segera hendaklah dengan

menggunakan Borang Pemakluman Permohonan Perintah Interim/Injuksi *Ex-parte* yang Difailkan atas Perakuan Segera sebagaimana di Lampiran A.

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 11 Tahun 2019.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025.

**(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

# Borang Pemakluman Permohonan Perintah Interim/Injuksi *Ex-parte* yang Difailkan atas Perakuan Segera

| | | | |
|---|---|---|---|
| Daripada | Penolong Pendaftar | | |
| Kepada | Yang Arif | | |
| Perkara | Pemakluman Permohonan Perintah Interim/Injunksi *Ex-parte* yang difailkan atas Perakuan Segera | | |
| Kes Mal Bilangan | | Tarikh Daftar | |

Yang Arif,

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas, dimaklumkan bahawa satu Permohonan Interim / Injunksi *Ex-parte* telah difailkan atas Perakuan Segera untuk dibawa kepada perhatian dan tindakan Yang Arif. Sekian, terima kasih.

..........................................................

**(Penolong Pendaftar)** Tarikh: ............................

---

Tuan/Puan Penolong Pendaftar,
Setelah saya meneliti permohonan tersebut, maka saya menentukan tahap kesegeraan permohonan *ex-parte* tersebut sebagaimana berikut:

☐ Saya mendapati permohonan *ex-parte* tersebut berada di tahap kesegeraan yang melampau, maka saya memerintahkan permohonan itu hendaklah didengar dengan serta-merta.

☐ Saya mendapati permohonan *ex-parte* tersebut perlu disegerakan perbicaraannya, maka saya memerintahkan permohonan itu hendaklah didengar tidak lewat dari hari bekerja berikutnya, iaitu pada tarikh ..................... pukul ......................

☐ Saya mendapati permohonan *ex-parte* tersebut tidak perlu disegerakan perbicaraannya, maka saya memerintahkan:-

- ☐ Permohonan itu hendaklah didengar secara *ex-parte* pada tarikh ..................... pukul .............
- ☐ Permohonan itu hendaklah didengar secara *inter-parte* pada tarikh ..................... pukul ..........
  Notis Permohonan dan Afidavit hendaklah disampaikan kepada Responden.

...........................................................

**(Hakim)** Tarikh: ................................